

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON**

**[ TEBRAU ]**

**TARIKH : 8 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON [ TEBRAU ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk mengurangkan bebanan kos sara hidup rakyat memandangkan harga barang asas seperti ayam, ikan, daging, dan lain-lain telah banyak meningkat selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan sepanjang 20 bulan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian sentiasa memastikan kawalan ke atas barang keperluan bagi mengurangkan bebanan kos sara hidup rakyat melalui pemantauan harian oleh Pegawai Penguat Kuasa dan Pegawai Pemantau Harga (PPH). Pemantauan ke atas harga barang harian dan makanan seperti ayam, ikan, sayur-sayuran dilaksanakan oleh PPH melalui pelaporan *Price Alert* secara harian. Dapatkan harga ini akan dianalisa dan dilaporkan kepada pengurusan atasan kementerian untuk tindakan lanjut sekiranya terdapat sebarang kenaikan luar biasa yang dikesan akan dibincangkan melalui Mesyuarat Task Force Kementerian yang diadakan secara harian. Pemeriksaan dan tindakan lanjut akan diambil oleh Pegawai Penguat Kuasa daripada maklumat yang dikemukakan.

Jawatankuasa Khas Kajian Rantaian Bekalan Makanan telah ditubuhkan bagi memastikan keberadaan makanan sentiasa stabil dan mengukupi di pasaran. Pemantauan secara berterusan dilaksanakan ke atas 2,711 premis peruncit terpilih (DDR), 1,039 premis pemborong terpilih (DDW) dan 223 premis pengilang/pengeluar terpilih (DDM) bagi memastikan keberadaan bekalan stabil dan mencukupi di pasaran melalui pelaporan harian oleh negeri meliputi 222 Parlimen dan 576 Dewan Undangan Negeri di seluruh Negara. Tindakan secara *soft approach* melalui Surat Pemberitahuan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 9AKHAP) 2011 merupakan pendekatan yang digunakan oleh pihak Kementerian ke arah perundingan secara terus, bersifat seimbang dan tidak menekan peniaga secara tindakan *deterent*. Surat ini dikeluarkan sebagai satu tindakan pemantauan kedudukan harga dan peringatan kepada peniaga supaya tidak menaikkan harga sewenang-wenangnya dan seterusnya dapat menangani isu kenaikan harga yang terlalu tinggi di pasaran.

Selain itu, kawalan ke atas barang keperluan semasa musim perayaan turut dibuat melalui pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) yang merangkumi Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali, Hari Krismas, Pesta Kaamatan dan Hari Gawai. Semasa pelaksanaan SHMMP, beberapa barang yang mendapat permintaan tinggi bagi sesuatu perayaan itu akan dikawal harganya untuk tempoh tertentu bagi memastikan Keluarga Malaysia menerima manfaat dan membeli barang keperluan ini pada harga yang munasabah.

Sepanjang tempoh tahun 2020 hingga Oktober 2021, sejumlah 9,212 tindakan kes berkaitan harga telah dihasilkan yang melibatkan rampasan bernilai RM123,939.00 dengan nilai kompaun sebanyak RM2,804,250.00 dan denda berjumlah RM7,000.00.

Sekian, terima kasih.